

D.R. 15/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007.

(2) Bagi maksud seksyen 5 Akta ini —

(a) seksyen 4D disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:

- (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;
- (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
- (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
- (iv) bagi penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;

Rang Undang-Undang

- (b) seksyen 4E disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002; dan
- (c) seksyen 4F disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003.

(3) Bagi maksud seksyen 6 Akta ini —

- (a) subseksyen 5(1DA) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (b) subseksyen 5(1DB) disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
 - (iv) bagi penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005.
- (c) subseksyen 5(1DC) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

- (d) subseksyen 5(1DD) disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
- (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;
- (e) subseksyen 5(IDE) dan 5(1 DF) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004; dan
- (f) subseksyen 5(1 DG) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.
- (4) Bagi maksud seksyen 7 Akta ini-
- (a) subseksyen 6(1 AD) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (b) subseksyen 6(1AE) disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
- (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
 - (iv) bagi penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;

Rang Undang-Undang

- (c) subseksyen 6(1 AF) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
 - (d) subseksyen 6(1 AG) disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistikbersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;
 - (e) subseksyen 6(1 AH) dan 6(1 AI) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004; dan
 - (f) subseksyen 6(1AJ) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.
- (5) Bagi maksud seksyen 9 Akta ini, seksyen 9A disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.
- (6) Bagi maksud seksyen 14 Akta ini, seksyen 21BA disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 2003.
- (7) Bagi maksud seksyen 15 Akta ini, seksyen 21DA disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 September 2003.
- (8) Bagi maksud seksyen 16 Akta ini —
- (a) seksyen 21G disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
 - (b) seksyen 21H disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

- (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
 - (iv) bagi penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;
- (c) seksyen 21I disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (d) seksyen 21J disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
- (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;
- (e) seksyen 21K dan 21L disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004; dan
- (f) seksyen 21M disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.
- (9) Perenggan 24(a) dan (b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.
- (10) Bagi maksud seksyen 25 Akta ini —
- (a) seksyen 26H disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;

Rang Undang-Undang

- (b) seksyen 26I disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
 - (iv) bagi penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;
- (c) seksyen 26J disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (d) seksyen 26K disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;
- (e) seksyen 26L dan 26M disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004;
- (f) seksyen 26N dan 26O disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005; dan
- (g) subseksyen 26G(2) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(11) Bagi maksud perenggan 26(a) Akta ini, subseksyen 27(1A) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 2003.

(12) Bagi maksud perenggan 21(b) Akta ini, subseksyen 27G(2) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

(13) Bagi maksud seksyen 28 Akta ini —

- (a) seksyen 27H disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (b) seksyen 27i disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan
 - (iv) bagi penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;
- (c) seksyen 27J disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;
- (d) seksyen 27K disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:
 - (i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;
 - (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;

Rang Undang-Undang

(e) seksyen 27L dan 27M disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004; dan

(f) seksyen 27N dan 27o disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

(14) Seksyen 30 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002.

(15) Seksyen 32 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 2003.

(16) Bagi maksud perenggan 33(a) Aktaini, subseksyen 29C(1A) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 September 2003.

(17) Seksyen 34 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.

(18) Bagi maksud seksyen 35 Akta ini —

(a) seksyen 29i disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;

(b) seksyen 29j disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:

(i) bagi industri mesin dan peralatan, pada 20 Oktober 2001;

(ii) bagi industri mesin dan peralatan khusus, pada 21 September 2002;

(iii) bagi penggunaan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, pada 13 September 2003; dan

(iv) bagi penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, pada 1 Oktober 2005;

(c) seksyen 29k disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 September 2002;

(d) seksyen 29l disifatkan telah mula berkuat kuasa seperti yang berikut:

(i) bagi industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu, pada 20 Oktober 2001;

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

- (ii) bagi industri pemprosesan makanan, pada 21 September 2002;
 - (iii) bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, pada 21 Mei 2003; dan
 - (iv) bagi hotel dan projek pelancongan, industri jentera berat, penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah, industri jentera dan peralatan dan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak, pada 13 September 2003;
- (e) seksyen 29M dan 29N disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004; dan
- (f) seksyen 29o dan 29P disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005.
- (19) Seksyen 36 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.
- (20) Perenggan 38(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 September 2003.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) —

- (a) dalam takrif "aktiviti digalakkan", dengan memasukkan selepas perkataan "4B" perkataan ", 4D, 4E, 4F";
- (b) dengan memasukkan selepas takrif "aktiviti pertanian bersepadu" takrif yang berikut:
 - ' "dapatan penyelidikan dan kemajuan" ertinya dapatan penyelidikan dan kemajuan dalam industri berasaskan sumber yang dimiliki penuh oleh institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia;';
- (c) dengan memasukkan selepas takrif "dapatan penyelidikan dan kemajuan" takrif yang berikut:
 - "dilakukan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta ibu;';

Rang Undang-Undang

- (d) dengan memasukkan selepas takrif "hotel" takrif yang berikut:
- "institusi pengajian tinggi swasta" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];';
- (e) dalam takrif "keluaran digalakkan", dengan memasukkan selepas perkataan "4B" perkataan ", 4D, 4E, 4F";
- (f) dengan memasukkan selepas takrif "keluaran digalakkan" takrif yang berikut:
- ' "keluaran makanan halal" ertinya keluaran yang telah mendapat perakuan bagi sistem kualiti dan standard yang diiktiraf, dan perakuan halal yang dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan oleh badan yang berperakui yang ditentukan oleh Menteri Kewangan;'; dan
- (g) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:
- ' "pelaburan semula" ertinya—
- (i) berhubung dengan aktiviti perkilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(i) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan, pemodenan atau automasi kemudahan pengeluaran bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama;
 - (ii) berhubung dengan perniagaan hotel, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(iii) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan, pemodenan atau pengubahsuaian perniagaan hotel yang sama;
 - (iii) berhubung dengan projek pelancongan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(iv) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan atau pemodenan projek pelancongan yang sama;

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

- (iv) berhubung dengan aktiviti penyelidikan dan kemajuan atau perkhidmatan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 29D(6) dan (7), 29E(6) dan (7), dan 29F(6) dan (7) bagi maksud pengembangan atau pemodenan bagi aktiviti digalakkan yang sama; dan
- (v) berhubung dengan perkhidmatan berkaitan perkilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(v) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan atau pemodenan bagi aktiviti digalakkan yang sama.'

Pindaan seksyen 4

3. Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Menteri" perkataan ", dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan".

Pindaan seksyen 4B

4. Seksyen 4B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

"Aktiviti atau keluaran yang disifatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi maksud subseksyen 5(lc), 5(1DA), seksyen 26c, 26D, 26E, 26G dan 26H"; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan "subseksyen 5(lc), seksyen 26c, 26D, 26E dan 26G" dengan perkataan "subseksyen 5(lc), 5(1DA), seksyen 26c, 26D, 26E, 26G dan 26H".

Seksyen baru 4D, 4E dan 4F

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen A seksyen yang berikut:

"Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih

4D. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut

Rang Undang-Undang

sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif

4E. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula

4F. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu."

Pindaan seksyen 5

6. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (ID) subseksyen yang berikut:

"(1DA) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak menyertai suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik atau mana-mana syarikat sedia ada yang menyertai suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik di Malaysia dan yang berhasrat untuk mempergiatkan aktiviti itu, dan berniat supaya suatu bangunan dibina, atau jika bangunan telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis, berhubung dengan aktiviti itu sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4B, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 21 September 2002.

(1DB) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat di Malaysia, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan dalam industri terpilih dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu

Rang Undang-Undang

permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang disiarkan oleh perintah statutori dalam *Warta*.

(1DC) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat di Malaysia, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam industri modul komponen automatif dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4E, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh ditetapkan dalam perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(1DD) (a) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula di Malaysia, berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F:

Dengan syarat bahawa—

- (i) permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang disiarkan oleh perintah statutori dalam *Warta*; dan
- (ii) bagi suatu syarikat perintis, tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14c atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29C, 29G, 29J, 29K, 29M atau 29N telah berakhir.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(b) Mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula di Malaysia, berhubung dengan suatu aktiviti penyelidikan dan kemajuan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan yang sama:

Dengan syarat bahawa—

- (i) permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003; dan
- (ii) bagi suatu syarikat perintis, tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu di bawah seksyen 14 atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29D telah berakhir.

(1DE) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak menempatkan semula suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan yang sedia ada yang berhubungan dengan suatu aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan yang sama atau keluaran digalakkan yang sama:

Dengan syarat bahawa—

- (a) permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004; dan
- (b) tempoh pelepasan cukai bagi suatu syarikat perintis di bawah seksyen 14 telah berakhir atau taraf perintis atau perakuan perintis itu telah diserahkan balik untuk pembatalan; atau
- (c) tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29G, 29J, 29K, 29L atau 29N telah berakhir atau elaun cukai pelaburan itu telah diserahkan balik untuk pembatalan.

(1DF) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak mengkomersialkan dapatan suatu penyelidikan dan kemajuan, dan berniat supaya suatu kilang dibina atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi

Rang Undang-Undang

maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis, dengan syarat bahawa permohonan itu diterimapada atau selepas 11 September 2004.

(1DG) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia dan berniat supaya suatu bangunan dibina, atau jika bangunan telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk taraf perintis atau supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubung dengan aktiviti dan juga bangunan itu, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005."; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (1E) dengan subseksyen yang berikut:

"(1E) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27(1), 27(1A), 27B(1), 27C(1), 27F(1), 27H(1), 27I(1), 27J(1), 27K(1), 27L(1) atau seksyen 27o yang berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, syarikat itu layak memohon bagi taraf perintis di bawah subseksyen (1), (1A), (1B), (1c), (1D), (1DA), (1DB), (1DC), (1DD), (1DE), 1DF) atau (1DG) setelah notis bertulis diberikan kepada Menteri untuk menyerahkan kelulusan berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa sehingga tarikh notis penyerahan itu, syarikat itu belum lagi melakukan perbelanjaan modal bagi maksud subseksyen 27(1), 27(1A), 27B(1), 27c(1), 27F(1), 27H(1), 27I(1), 27J(1) 27K(1), 27L(1) atau seksyen 27o dan Menteri berpuas hati dengan sebab-sebab penyerahan kelulusan berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu."

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Pindaan seksyen 6

7. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1AC) subseksyen yang berikut:

"(1 AD) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DA) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), (5) dan (6), memberikan taraf perintis kepada suatu syarikat jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu telah memenuhi kriteria sebagaimana yang ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(IAE) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DB) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D.

(1AF) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1 DC) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E.

(1AG) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DD) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), (5) dan (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F.

(1 AH) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1 DE) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), (5), dan (6), memberikan taraf perintis kepada suatu syarikat yang menempatkan semula suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan yang sedia ada yang berhubungan dengan suatu aktiviti perkilangan dari luarkawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c.

Rang Undang-Undang

(1AI) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DF) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis kepada suatu syarikat yang mengkorasialkan dapatan suatu penyelidikan dan kemajuan.

(1 A J) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1 DG) Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan kepada suatu syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia."; dan

(b) dalam perenggan 6(3)(a) dengan menggantikan perkataan "atau (1AC)" dengan perkataan, ", (1AC), (1AD), (1AE), (1AF), (1AG), (1AH), (1AI) atau (1AJ)".

Pindaan seksyen 7

8. Subseksyen 7(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "enam" dengan perkataan "dua puluh empat".

Seksyen baru 9A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

"Penyerahan taraf perintis atau perakuan perintis

9A. (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau dikeluarkan suatu perakuan perintis di bawah Akta ini berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, layak memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta ibu setelah menyerahkan taraf perintis atau perakuan perintis itu berkenaan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri bagi penyerahan itu.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana syarikat yang diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6, atau dikeluarkan suatu perakuan perintis di bawah seksyen 7, boleh pada bila-bila masa menyerahkan status atau perakuan itu dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi maksud suatu permohonan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini.

(3) Jika Menteri berpuas hati dengan sebab penyerahan apa-apa taraf atau perakuan di bawah subseksyen (1) atau (2), Menteri boleh memberi kelulusan ke belakang, dan penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa—

- (a) dari tarikh taraf perintis itu diberikan; atau
- (b) dalam hal suatu syarikat perintis —
 - (i) pada tarikh permohonan bagi penyerahan itu diterima oleh Menteri; atau
 - (ii) pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang penyerahan itu diterima oleh Menteri."

Pemotongan seksyen 12

10. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 12.

Pindaan seksyen 14c

11. Seksyen 14c Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "6(1 AB)" perkataan ", 6(1 AE), 6(1AG) atau 6(1AI)"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Walau apa pun seksyen 14B, suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1 AB), (1AE), (1AG) atau (1AI) boleh memohon secara bertulis bagi suatu pelanjutan tempoh pelepasan cukai yang telah diberikan di bawah seksyen 14:

Rang Undang-Undang

Dengan syarat bahawa bagi maksud subseksyen 6(1AG), seksyen ini hendaklah hanya terpakai bagi suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi maksud pengeluaran keluaran nilai ditambah yang menggunakan biojisim kelapa sawit."

Pindaan seksyen 18

- 12.** Seksyen 18 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (7) —
- (a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen itu dengan noktah bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa jika tempoh perintis bagi perniagaan perintis itu tamat pada atau selepas 1 Oktober 2005, elaun itu atau amaun agregat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai elaun yang kena dibuat kepada syarikat itu berhubung dengan perniagaan selepas perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang jatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu atau mana-mana tahun taksiran yang kemudiannya."

Pindaan seksyen 21A

- 13.** Subseksyen **21A(4)** Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "enam".

Seksyen baru 21BA

- 14.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21B seksyen yang berikut:

"Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat kecil di bawah subseksyen 6(1A)

21BA. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat kecil yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1A), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1) diterima pada atau selepas 21 Mei 2003.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*."

Seksyen baru 21DA

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21D seksyen yang berikut:

"Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat dalam kawasan digalakkan

21DA. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1B) diterima pada atau selepas 13 September 2003.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*."

Seksyen baru 21G, 21H, 21I, 21J, 21K, 21L dan 21M

16. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21F seksyen yang berikut:

"Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengusahakan aktiviti pengetahuan intensif yang strategik di bawah subseksyen 6(1AD)

21G. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AD), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DA) diterima pada atau selepas 21 September 2002.

Rang Undang-Undang

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21c(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*:

Dengan syarat bahawa bagi suatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia, subseksyen 21c (2A) yang berhubungan dengan penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi suatu permohonan dalam subseksyen (1).

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri terpilih di bawah subseksyen 6(1AE)

21H. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AE), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DB) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri pengeluaran modul komponen automatif di bawah subseksyen 6(1AF)

21I. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AF), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1 DC) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama di bawah subseksyen 6(1AG)

21J. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AG), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DD) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam industri berasaskan sumber, aktiviti pemprosesan makanan, perniagaan hotel dan projek pelancongan, subseksyen 21B(2), (3), (4), (5) dan (6) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(3) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(4) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi mengeluarkan keluaran nilai ditambah menggunakan biojisim kelapa sawit, subseksyen 21C(2A), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Rang Undang-Undang

(5) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berhubung dengan suatu permohonan di bawah subseksyen (1), bagi aktiviti atau keluaran selain yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4), hendaklah tujuh puluh peratus daripada pendapatan nilai tambahan di bawah subseksyen 21C(2A), dan subseksyen 21c(3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan sedia ada atau keluaran digalakkan yang berhubung dengan aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke kawasan digalakkan di bawah subseksyen 6(1AH) *

21K. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1 AH), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DE) diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengkomersialkan dapatan penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen 6(1AI)

21L. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1 AI), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DF) diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengusahakan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia di bawah subseksyen 6(1AJ)

21M. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(laj), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(ldg) diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan syarikat perintis semasa tempoh pelepasan cukai bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan —

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia adalah pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(3) Lima puluh peratus daripada amaun pendapatan syarikat yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada—

- (a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan
- (b) apa-apa pengurangan oleh suatu kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2).

Rang Undang-Undang

(4) Bagi maksud Akta ibu, lima puluh peratus daripada amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pendapatan menyeluruh atau sebahagian daripada pendapatan menyeluruh, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu syarikat perintis bagi tahun taksiran yang relevan itu.

(5) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya disampaikan kepada syarikat itu suatu penyata yang menunjukkan amaun yang didapati di bawah subseksyen (3).

(6) Bagi maksud seksyen 97 dan 99 Akta ibu, suatu penyata yang disampaikan di bawah subseksyen (5) hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran yang disampaikan di bawah Akta ibu (yang bukannya notis yang berhubungan dengan suatu taksiran yang dibuat di bawah seksyen 92 Akta ibu).".

Pindaan seksyen 22

17. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "21, 21B, 21C, 21D, 21E atau 21F" dengan perkataan "21, 21B, 21BA, 21C, 21D, 21DA, 21E, 21F, 21G, 21H, 21I, 21J, 21K, 21L atau 21M"; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "21, 21B, 21C, 21D, 21E atau 21F" dengan perkataan "21, 21B, 21BA, 21C, 21D, 21DA, 21E, 21F, 21G, 21H, 21I, 21J, 21K, 21L atau 21M".

Pindaan seksyen 24

18. Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dua belas" dengan perkataan "enam".

Pindaan seksyen 25

19. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "21(1), 21B(2), 21C(2), 21D(2), 21E(2) atau 21F(2)" dengan perkataan "21(1), 21B(2), 21BA(2), 21C(2), 21D(2),

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

21DA(2), 21E(2), 21F(2), 21G(2), 21H(2), 21I(2), 21J(2), (3), (4), (5), 21K(2), 21L(2) atau 21M(2)";

- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan "21(1), 21B(2), 21C(2), 21D(2), 21E(2) atau 21F(2)" dengan perkataan "21(1), 21B(2), 21BA(2), 21C(2), 21D(2), 21DA(2), 21E(2), 21F(2), 21G(2), 21H(2), 21I(2), 21J(2), (3), (4), (5), 21K(2), 21L(2) atau 21M(2)"; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

" (4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori daripada perniagaan perintis atau perniagaan-perniagaan perintis bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa potongan yang kena dibuat bagi tahun itu menurut subseksyen (2), maka potongan itu yang belum lagi dibuat (atau sekian banyak daripadanya yang belum lagi dibuat) bagi tahun itu hendaklah dibuat apabila menghitung jumlah pendapatan syarikat itu menurut subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta ibu bagi tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis atau mana-mana tahun taksiran yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa tempoh pelepasan cukai tamat pada—

- (a) tarikh pelepasan cukai tamat; atau
- (b) tarikh penyerahan taraf perintis atau perakuan perintis di bawah seksyen 9A,

dan tarikh itu hendaklah tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005."

Pindaan seksyen 26

20. Seksyen 26 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, ia layak memohon untuk kelulusan

Rang Undang-Undang

bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu."

Pindaan seksyen 26B

21. Seksyen 26B Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu."; dan

(b) dengan memotong subseksyen (4).

Pindaan seksyen 26c

22. Seksyen 26c Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti itu:

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti itu."

Pindaan seksyen 26F

23. Seksyen 26F Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, ia boleh layak memohon, untuk kelulusan bagi maksud suatu elau cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu."

Pindaan seksyen 26G

24. Seksyen 26G Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "vokasional" perkataan " dan institusi pengajian tinggi swasta";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana institusi pengajian tinggi swasta sedia ada atau baru yang mengadakan atau bercadang untuk mengadakan kursus sains kelayakan di Malaysia sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elau cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005."; dan

Rang Undang-Undang

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini."

Seksyen baru 26H, 26I, 26J, 26K, 26L, 26M, 26N dan 26o

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26G seksyen yang berikut:

"Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi aktiviti pengetahuan intensif yang strategik

26H. (1) Mana-mana syarikat sedia ada atau baru yang menyertai atau bercadang hendak menyertai dalam suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik di Malaysia boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 21 September 2002.

(2) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti pengetahuan intensif yang strategik, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) apabila memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf penntis berhubung dengan aktiviti itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berhubung dengan aktiviti itu.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D

26i. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27i, hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan itu.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Rang Undang-Undang

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri modul komponen automatif sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4E

26J. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam industri modul komponen automatif seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 4E, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menten untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat permohonan diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27J, hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau pengeluaran suatu keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) apabila memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan itu.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F

26K. (1) Mana-mana syarikat yang mengusahakan atau berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran di Malaysia, sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*; dan
- (b) tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14c atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29c, 29G, 29J, 29K, 29M atau 29N telah tamat.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27K, hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat yang menjalankan penyelidikan dalam syarikat, yang mengusahakan atau berhasrat untuk mengusahakan pelaburan semula di Malaysia berhubung dengan suatu aktiviti penyelidikan dan kemajuan atau perkhidmatannya, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan atau perkhidmatan yang sama:

Dengan syarat bahawa —

- (a) permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003; dan

Rang Undang-Undang

(b) tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14c atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29D, 29E atau 29F telah tamat.

(4) Jika suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) apabila memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan itu.

(5) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan sedia ada atau keluaran digalakkan yang berhubung dengan aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c

26L. (1) Mana-mana syarikat yang menempatkan semula suatu aktiviti digalakkan sedia ada atau suatu keluaran digalakkan sedia ada yang berhubung dengan suatu aktiviti perkilangan di Malaysia dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan:

Dengan syarat bahawa—

(a) permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004; dan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(b) tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14c, atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29G, 29J, 29K, 29L atau 29N telah tamat atau diserahkan untuk dibatalkan.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan di suatu kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c, ia layak memohon untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau pengeluaran keluaran digalakkan itu.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang mcngusahakan keluaran makanan halal

26M. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai di Malaysia dalam pengeluaran keluaran makanan halal boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27M, hanya layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti

Rang Undang-Undang

digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri

26N. (1) Mana-mana syarikat yang melakukan atau berhasrat untuk melakukan perbelanjaan modal bagi penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia

26o. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia di Malaysia boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan berhubung dengan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan itu:

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan itu.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini."

Pindaan seksyen 27

26. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan suatu permohonan untuk suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26(1) kepada suatu syarikat kecil, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

(a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah sebaliknya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu disifatkan sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang tidak lebih awal dari 21 Mei 2003; dan

(b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1A) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26(1) diterima oleh Menteri.";

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1)" dengan perkataan "subseksyen (1) dan (1A)";

(c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan ", (1A)"; dan

Rang Undang-Undang

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Suatu syarikat yang diberikan kelulusan di bawah subseksyen ini boleh, pada bila-bila masa sepanjang tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 29(2)(b) atau (c), menyerahkan kelulusan itu dengan memberi notis bertulis kepada Menteri dan jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan kelulusan itu atau syarikat itu telah mematuhi terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1), (1A) atau (2) atau dengan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan oleh Menteri dalam notis yang meluluskan penyerahan itu dan tarikh itu tidak boleh lebih awal dari tarikh notis diterima oleh Menteri."

Pindaan seksyen 27G

27. Seksyen 27G Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "26G(1)" perkataan "atau (2)";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dan (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan untuk suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26G(2) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa institusi itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu disifatkan sebagai aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005; dan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (2) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26G(2) diterima oleh Menteri.

(3) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau (2)."; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), (2) dan (3), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan."

Seksyen baru 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N dan 27o

28. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27G seksyen yang berikut:

"Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26H(1)

27H. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26H(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

(a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu disifatkan sebagai aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 21 September 2002; dan

Rang Undang-Undang

(b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26H(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26i(1)

27i. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26i(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari satu tarikh yang tidak awal dari tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 4D; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26i(1) diterima oleh Menteri.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26J(1)

27J. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26J(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu atau keluaran telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari satu tarikh yang tidak awal dari tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 4E; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26J(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Rang Undang-Undang

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26K(1)

27K. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26K(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

' Dengan syarat bahawa jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F, kelulusan itu boleh diberikan pada hari pertama perbelanjaan modal dibuat dan tarikh itu tidak boleh lebih awal dari tarikh permohonan diterima oleh Menteri.

(2) Berhubung dengan perniagaan hotel dan projek pelancongan, kelulusan hendaklah diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh syarikat itu telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, tetapi tidak lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26K(1) diterima oleh Menteri.

(3) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan (2).

(4) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), (2) dan (3), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26L(1)

27L. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26L(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di suatu kawasan digalakkan di bawah seksyen 4c, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari satu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah seksyen 26L(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26M(1)

27M. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26M(1) kepada suatu syarikat yang mengusahakan pengeluaran keluaran makanan halal tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004; dan

Rang Undang-Undang

- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26M(1) diterima oleh Menteri.
- (2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).
- (3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26N(1)

27N. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26N(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26N(1) diterima oleh Menteri.
- (2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).
- (3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26o(1)

27o. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26o(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang ke suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah seksyen 26o(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan."

Pindaan seksyen 28

29. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika suatu syarikat yang telah diberikan suatu kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N atau 27o tidak mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 27(1), (1A), (2), 27A(1), (2), 27B(1), (2), 27c(1), (2), 27D(1), (2), 27E(1), (2), 27F(1), (2), 27G(1), (2), (3), 27H(1), (2), 27i(1), (2), 27J(1), (2), 27K(1), (2), (3), 27L(1), (2), 27M(1),

Rang Undang-Undang

(2), 27N(1), (2), 27o(1), (2) atau dengan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri hendaklah melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu supaya menunjukkan sebab mengapa kelulusan itu tidak patut ditarik balik."; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Menteri boleh menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 27(1), (1A), 27A(1), 27B(1), 27C(1), 27D(1), 27E(1), 27F(1), 27G(1), (2), 27H(1), 27I(1), 27J(1), 27K(1), (2), , 27M(1), 27N(1) atau 27o(1)-

(a) jika syarikat itu telah gagal mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen (1);

(b) jika dia tidak berpuas hati dengan sebab-sebab ketidakpatuhan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 27(1), (1A), (2), 27A(1), (2), 27B(1), (2), 27C(1), (2), 27D(1), (2), 27E(1), (2), 27F(1), (2), 27G(1), (2), (3), 27H(1), (2), 27I(1), (2), 27J(1), (2), 27K(1), (2), (3), 27L(1), (2), 27M(1), (2), 27N(1), (2), 27o(1), (2) atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini."

Seksyen baru 28A

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

"Penyerahan pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan

28A. (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan,

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

layak untuk memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta ibu apabila menyerahkan pemberian itu dengan memberikan suatu notis bertulis penyerahan itu kepada Menteri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini, boleh pada bila-bila masa menyerahkan kelulusan itu dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Menteri:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi maksud suatu permohonan untuk taraf perintis di bawah Akta ini.

(3) Jika Menteri berpuas hati dengan sebab-sebab penyerahan kelulusan itu di bawah subseksyen (1) atau (2), Menteri boleh dalam notis meluluskan penyerahan itu memberikannya berkuat kuasa ke belakang, dan penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa—

- (i) dari tarikh pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan itu; atau
- (ii) dalam hal suatu syarikat yang telah melakukan perbelanjaan modal, pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan itu diterima oleh Menteri."

Pindaan seksyen 29

31. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (7)(iv)(f), dengan menggantikan noktah selepas perkataan "pelancongan" dengan koma bernoktah;
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (7)(iv) perenggan yang berikut:
 - "(v) berhubung dengan perkhidmatan berkaitan perkilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas mana-mana aset yang digunakan di Malaysia, berhubung dengan dan untuk tujuan perkhidmatan yang digalakkan itu sebagaimana

Rang Undang-Undang

yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

"(10) Walau apa pun perenggan (9)(a) dan (b), subseksyen 29(7) dan (8) hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang permohonannya di bawah seksyen 26 diterima pada atau selepas 1 November 1991."

Seksyen baru 29AA

32. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29A seksyen yang berikut:

"Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah subseksyen 26(1) yang telah diluluskan di bawah subseksyen 27(1A) bagi syarikat kecil

29AA, (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27(1 A) dengan syaratbahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen **27(1A)** telah —

(a) melakukan perbelanjaan modal dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu; dan

(b) memenuhi apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*,

syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) tertakluk kepada subseksyen (5), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat itu melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (3)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan berkenaan dengan suatu aktiviti dan syarikat itu telah memenuhi kriteria itu sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2)(b), perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah subseksyen 26(1) dan kelulusan di bawah subseksyen 27(1A), elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari tarikh permohonan itu diterima oleh Menteri tetapi tarikh ke belakang itu hendaklah tidak lebih awal dari 21 Mei 2003.

(4) Jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen (2) bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu.

(5) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun

Rang Undang-Undang

taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau elaun-elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (2), (3) dan (4), sekian banyak daripada elaun atau elaun-elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehinggalah syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun atau elaun-elaun yang ia berhak mendapat.

(6) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut subseksyen (4), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22.

(7) Subseksyen 29(7) dan (8) berhubung dengan perbelanjaan modal hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini."

Pindaan seksyen 29c

33. Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen 29c(1), subseksyen yang berikut:

"(IA) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27B telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan atau keluaran dalam kawasan digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud elaun cukai pelaburan menurut suatu permohonan yang diterima pada atau selepas 13 September 2003, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu, suatu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu."; dan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(b) dalam subseksyen 29c(4) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau (1A)"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subseksyen 29c(4), subseksyen yang berikut:

"(4A) Proviso kepada subseksyen (4) tidak terpakai bagi apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1A)."

Pindaan seksyen 29H

34. Seksyen 29H Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "seksyen 27G" dengan perkataan "subseksyen 27G(1)";
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Jika suatu institusi pengajian tinggi swasta yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27G(2) telah melakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan kursus sains kelayakan, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, institusi itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.";

(c) dalam subseksyen (2) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau (1A)"; dan
- (ii) dalam proviso subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "latihan teknikal atau vokasional," perkataan "atau kursus sains kelayakan,";

(d) dalam subseksyen (3) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau (1A)"; dan

Rang Undang-Undang

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "latihan teknikal atau vokasional" perkataan ", atau kursus sains kelayakan";
- (e) dalam subseksyen (4) —
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "latihan teknikal atau vokasional" perkataan "atau kursus sains kelayakan"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)," perkataan "(1A)"; dan
- (f) dalam subseksyen (6) —
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "latihan teknikal atau vokasional" perkataan "atau kursus sains kelayakan"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "berhubung dengan latihan" perkataan "atau kursus, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Seksyen baru 29i, 29j, 29K, 29L, 29M, 29N, 29O dan 29P

35. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29H seksyen yang berikut:

"Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26H yang telah diluluskan di bawah seksyen 27H

29I. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang menyertai suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27H dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 21 September 2002.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27H telah melakukan, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran, perbelanjaan modal berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26H dan kelulusan di bawah seksyen 27H, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 21 September 2002.

(4) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (5), istilah "perbelanjaan modal", berhubung dengan syarikat yang menyertai suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan apa-apa aset sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, digunakan di Malaysia berhubung dengan dan bagi maksud aktiviti itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), "perbelanjaan modal" tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera

Rang Undang-Undang

itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan seseorang pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

(6) Subseksyen 29AA(4), (5) dan (6) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26i yang telah diluluskan di bawah seksyen 27i

29j. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27i dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4D.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27i telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b)

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan

- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26i dan kelulusan di bawah seksyen 27 i, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4D.

(4) Subseksyen 29AA (4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26j yang telah diluluskan di bawah seksyen 27j

29k. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27J dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4E.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27J telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan

Rang Undang-Undang

- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26J dan kelulusan di bawah seksyen 27J, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4E.

(4) Subseksyen 29AA (4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26K yang telah diluluskan di bawah seksyen 27K

29L. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27K dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* di bawah seksyen 4F.

(2) Berhubung dengan suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, dan syarikat penyelidikan dan kemajuan yang mengusahakan pelaburan semula, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu:

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini —
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29D (4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(3) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam suatu aktiviti yang berkaitan penyelidikan dalam syarikat, syarikat itu hendaklah diberikan

Rang Undang-Undang

bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu:

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan suatu syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29F(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(4) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi menghasilkan keiuaran nilai ditambah menggunakan biojisim kelapa sawit, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu —

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti menghasilkan keiuaran nilai tambah menggunakan biojisim kelapa sawit, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan suatu aktiviti digalakkan atau keiuaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu; dan
- (c) subseksyen 29B(4), (5), (6), (7) dan (8) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(5) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti perniagaan hotel dan projek pelancongan, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun

Rang Undang-Undang

taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu —

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa —

- (A) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
 - (B) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah subseksyen 26K(1) dan kelulusan di bawah subseksyen 27K(2), elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 13 September 2003;
- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

(c) subseksyen 29A(6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(6) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti atau keluaran selain yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3), (4) dan (5) syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu —

(a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—

(i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan

(ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti atau produk selain dari yang dinyatakan di dalam subseksyen (2), (3), (4) dan (5), perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

(b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun

Rang Undang-Undang

taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29A(6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26L yang telah diluluskan di bawah seksyen 27L

29M. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27L dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27L telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti perkilangan digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi tujuan penempatan semula aktiviti perkilangan digalakkan dan keluaran digalakkan itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) hendaklah diberikan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan

- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26L dan kelulusan di bawah seksyen 27L, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004.

(4) Subseksyen 29AA(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26M yang telah diluluskan di bawah seksyen 27M

29N. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27M dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27M telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan keluaran makanan halal, perbelanjaan modal bagi maksud keluaran itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) hendaklah diberikan hanya dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan

Rang Undang-Undang

- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26M dan kelulusan di bawah seksyen 27M, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004.

(4) Subseksyen 29AA (4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26N yang telah diluluskan di bawah seksyen 27N

29o. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27N dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27N telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan penjimatan penggunaan tenaga bagi kegunaan sendiri, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) —

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26N dan kelulusan di bawah seksyen 27N, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005.

(4) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (5), istilah "perbelanjaan modal", berhubung dengan suatu syarikat yang menjimatkan tenaga untuk kegunaan sendiri, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan atas loji dan jentera yang digunakan berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), "perbelanjaan modal" tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan seseorang pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

Rang Undang-Undang

(6) Subseksyen 29A(5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26o yang telah diluluskan di bawah seksyen 27o

29P. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27o dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27o telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) tertakluk kepada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa:

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26o dan kelulusan di bawah seksyen 27o diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005, elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk kepada subseksyen (4), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(4) Jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen (2) bagi sesuatu tahun taksiran sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan suatu aktiviti berhubung dengan aktiviti digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) itu hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (6), istilah "perbelanjaan modal", berhubung dengan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan apa-apa aset digunakan di Malaysia berhubung dengan dan bagi maksud aktiviti itu sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), "perbelanjaan modal" tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan seseorang pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

(7) Subseksyen 29A(6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini."

Rang Undang-Undang

Seksyen baru 30A

36. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30 seksyen yang berikut:

"Penarikan balik elaun cukai pelaburan berhubung dengan aset yang dilupuskan

30A. (1) Bagi maksud Bab 2 Bahagian II, jika perbelanjaan modal dilakukan bagi pemerolehan apa-apa aset dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemerolehan aset itu, elaun cukai pelaburan bagi perbelanjaan modal itu yang sepatutnya syarikat itu layak diterima, hendaklah disifatkan tidak diberi kepada syarikat itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "aset" ertinya sesuatu kilang, loji, jentera atau bangunan yang disebut dalam takrif perbelanjaan modal dalam subseksyen 29(7), 29A(8), 29AA(7), 29B(7), 29C(7), 29D(6), 29E(6), 29F(6), 29G(6), 29H(6), 29I(4), 29J(4), 29K(4), perenggan 29L(2)(C), 29L(3)(C), 29L(4)(C), 29L(5)(C), 29L(6)(C), subseksyen 29M(4), 29N(4), 29O(4) dan 29P(5)."

Pemotongan seksyen 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 32, 33, 34, 35, 36, 36A, 37, 38, 39, 39A, 40 dan 40A

37. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 32, 33, 34, 35, 36, 36A, 37, 38, 39, 39A, 40 dan 40A.

Pindaan seksyen 41B

38. Seksyen 41B Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1)(b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) perbelanjaan modal seperti yang ditakrifkan di bawah subseksyen 29(7), 29A(8), 29AA(7), 29B(7), 29C(7), 29D(6), 29E(6), 29F(6), 29G(6), 29H(6), 29I(4), 29J(4), 29K(4), perenggan 29L(2)(C), (3)(c), (4)(c), (5)(c), (6)(c), subseksyen 29M(4), 29N(4), 29O(4) atau 29P(5);" dan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

- (b) dalam proviso subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "lapan puluh lima" dengan perkataan "satu ratus".

Pindaan seksyen 43A

39. Seksyen 43A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika suatu syarikat telah diberikan suatu perakuan perintis di bawah seksyen 7 atau suatu kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N atau 27O syarikat itu tidak boleh, sebelum berakhirnya tempoh pelepasan cukainya, atau tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), 29A(3)(b), (c) atau (d), 29AA(3)(b), 29B(2)(b), 29C(2)(b) atau (c), 29D(2)(b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29I(3)(b), 29J(3)(b), 29K(3)(b), subperenggan perenggan 29M(3)(b), 29N(3)(b), 29O(3)(b) atau 29P(3)(b) menjalankan apa-apa perniagaan selain perniagaan yang mana keseluruhan pendapatan kasar itu diperoleh daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tanpa memberitahu Menteri."; dan

- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E atau 27F", dengan perkataan "27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N atau 27O".

Kecualian dan peralihan

40. Walau apa pun seksyen 37 Akta ini, seksyen 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 32, 33, 34, 35, 36, 36A, 37, 38, 39, 39A, 40 dan 40A Akta ibu hendaklah terus berkuat kuasa dan terus terpakai bagi mana-mana syarikat bagi segala maksud dan dalam segala segi berhubung dengan mana-mana permohonan yang diluluskan di bawah seksyen itu sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini.

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ("Akta 327").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan takrif aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan baru yang diluluskan bagi insentif dalam Bajet 2001, Bajet 2002, Bajet 2003, Bajet 2004, Bajet 2005 dan Bajet 2006 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Baru yang diumumkan pada 21 Mei 2003.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Akta 327 bagi mengadakan peruntukan bagi penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan untuk diselaraskan dengan peruntukan seksyen 4A, 4B dan 4c.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 4B Akta 327 tentang penentuan aktiviti digalakkan bagi mengadakan peruntukan pemasukan subseksyen baru 5(1DA) dan seksyen 26H yang memasukkan aktiviti berintensifkan pengetahuan strategik sebagai suatu aktiviti digalakkan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4D, 4E dan 4F ke dalam Akta 327. Seksyen baru 4D bertujuan mengadakan peruntukan bagi penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih seperti industri jentera dan peralatan khusus, industri jentera dan peralatan terpilih, penggunaan biojisim kelapa sawit dan penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui. Seksyen baru ini juga menghendaki suatu senarai aktiviti atau keluaran yang akan ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* dan memberi Menteri kuasa dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan untuk mengkaji semula senarai itu.

Seksyen baru 4E yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif. Seksyen baru ini juga menghendaki suatu senarai aktiviti atau keluaran itu ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* dan memberi Menteri kuasa dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan untuk mengkaji semula senarai itu.

Seksyen baru 4F yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula dan terpakai kepada syarikat sedia ada yang membuat pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama bagi maksud pembesaran atau permodenan dan pengautomasian. Seksyen baru ini juga menghendaki suatu senarai aktiviti atau keluaran itu ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* dan memberi Menteri kuasa dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan untuk mengkaji semula senarai itu.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru yang berikut ke dalam seksyen 5 Akta 327:

- (a) (IDA) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi syarikat yang menyertai aktiviti pengetahuan intensif yang strategik. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2003;
- (b) (IDB) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi syarikat yang menyertai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam industri terpilih seperti industri mesin dan peralatan khusus, industri mesin dan peralatan terpilih dan penggunaan biojisim kelapa sawit. dan penjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2002, Bajet 2003, Bajet 2004 dan Bajet 2006;
- (c) (IDC) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi industri modul komponen automatif. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2003;
- (d) (IDD) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan yang sama. *Fasal* ini terpakai hanya kepada syarikat sedia ada yang pelaburan semula adalah bagi maksud pembesaran, permodenan atau pengautomasian kemudahan keluaran. Dalam hal pelaburan semula bagi aktiviti penyelidikan dan kemajuan, hanya syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang menjalankan pelaburan semula layak untuk taraf perintis. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2002, Bajet 2003 dan Bajet 2004, dan Pakej Rangsangan Ekonomi Baru yang diumumkan pada 21 Mei 2003;
- (e) (IDE) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi suatu syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sedia ada, yang berhubungan dengan suatu aktiviti perkilangan, dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2005;
- (f) (IDF) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi syarikat yang berhasrat untuk mengkomersialkan dapatan penyelidikan dan kemajuan dalam industri berasaskan sumber dimiliki sepenuhnya oleh suatu institusi penyelidikan awam, atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2005; dan
- (g) (IDG) bagi mengadakan peruntukan untuk suatu permohonan bagi taraf perintis bagi suatu syarikat atau orang yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia. Insentif ini dimasukkan dalam Bajet 2006.

Rang Undang-Undang

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 5(1E) Akta 327 bagi mengadakan peruntukan penyerahan elaun cukai pelaburan yang diberikan di bawah seksyen 27, bagi membolehkan syarikat kecil, syarikat berstatus yang berintensifkan pengetahuan strategik, industri terpilih, industri modul komponen autoraatif, syarikat yang mengusahakan pelaburan semula, syarikat yang menempatkan semula aktiviti perkilangan ke kawasan digalakkan dan syarikat yang mengusahakan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia, untuk memohon taraf perintis. Ini disebabkan suatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif sahaja sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (IAD), (IAE), (IAF), (IAG), (IAH), (IAI) dan (IAJ) ke dalam seksyen 6 Akta 327 bagi mengadakan peruntukan pemberian taraf perintis kepada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baru bagi aktiviti pengetahuan intensif yang strategik yang dipohon di bawah subseksyen 5(1DA), bagi industri terpilih yang dipohon di bawah subseksyen 5(1 DB), bagi industri modul komponen automatif yang dipohon di bawah subseksyen 5(1DC), bagi pelaburan semula yang dipohon di bawah subseksyen 5(1DD), bagi penempatan semula suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sedia ada yang berhubungan dengan suatu aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan ke suatu kawasan digalakkan yang dipohon di bawah subseksyen 5(1 DE), bagi pengkomersialan dapatan penyelidikan dan kemajuan yang dipohon di bawah subseksyen 5(1DF) dan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia yang dipohon di bawah subseksyen 5(1 DG).

Fasal ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 6(3)(a) Akta 327 untuk memasukkan pemberian taraf perintis kepada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang dinyatakan sebelum ini.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) Akta 327 bagi membolehkan syarikat yang telah diberikan taraf perintis mengemukakan permohonan sijil perakuan perintis dalam tempoh dua puluh empat bulan bagi menggantikan tempoh enam bulan yang sedia ada.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 327 bagi membolehkan syarikat menyerahkan taraf perintis untuk memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Peruntukan ini dimasukkan dalam Bajet 2003.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memotong seksyen 12 Akta 327 kerana seksyen ini tidak lagi diperlukan.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 14c Akta 327 bagi mengadakan peruntukan suatu lanjutan tempoh pelepasan cukai bagi lima tahun lagi bagi taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AE) bagi industri terpilih di bawah seksyen 4D, subseksyen 6(1AG) bagi pelaburan semula dalam penggunaan biojisim kelapa sawit untuk menghasilkan produk tambah nilai di bawah seksyen 4F dan subseksyen 6(1AI) bagi pengkomersialan dapatan penyelidikan dan kemajuan.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan suatu proviso ke dalam subseksyen 18(7) bagi mengadakan peruntukan bagi elaun modal yang tidak diserap oleh syarikat dalam tempoh perintis dibenarkan untuk dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan suatu perniagaan selepas perintis yang berkaitan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama bagi syarikat yang tempoh perintisnya tamat pada atau selepas 1 Oktober 2005. Peruntukan ini dimasukkan dalam Bajet 2006.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 2U(4) Akta 327 bagi menyeragamkan peruntukan tempoh halang kepada enam tahun selaras dengan suatu pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1998 dan tahun taksiran yang berikutnya di bawah Akta Kewangan 1998 (Akta 578).

15. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21BA ke dalam Akta 327 bagi mengadakan peruntukan penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat kecil di bawah subseksyen 6(1 A) bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 21 Mei 2003. Pengecualian cukai bagi syarikat kecil itu dinaikkan daripada tujuh puluh peratus kini kepada seratus peratus terhadap pendapatan statutori.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21DA ke dalam Akta 327 bagi mengadakan peruntukan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat dalam kawasan digalakkan di bawah subseksyen 6(1) bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 13 September 2003. Pengecualian cukai bagi syarikat ini dinaikkan daripada lapan puluh lima peratus kepada seratus peratus terhadap pendapatan statutori.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21G, 21H, 21I, 21J, 21K, 21L dan 21M ke dalam Akta 327. Seksyen baru 21G memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada aktiviti pengetahuan intensif yang strategik di bawah subseksyen 6(1AD) bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 21 September 2002. Pengecualian cukai yang diberikan kepada syarikat sedemikian ialah sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai bagi syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia yang diberikan pengecualian cukai sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan yang ditambah nilai.

Seksyen baru 21H yang dicadangkan memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1 AE) kepada suatu syarikat yang menyertai industri terpilih seperti yang ditentukan dalam seksyen 4D.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori bagi apa-apa permohonan yang diterima daripada syarikat itu pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Rang Undang-Undang

Seksyen baru 21i yang dicadangkan memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1 AF) kepada suatu syarikat dalam industri pengeluaran modul komponen automatif.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori bagi apa-apa permohonan yang diterima daripada syarikat itu pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru 21 j yang dicadangkan memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1 AG) kepada suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula untuk aktiviti yang digalakkan atau keluaran yang digalakkan yang sama bagi permohonan yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*. Syarikat layak untuk yang berikut:

- (a) industri berasaskan sumber, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu dan pusat perkhidmatan utiliti bersepadu - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak tujuh puluh peratus terhadap pendapatan statutori berdasarkan Bajet 2002;
- (b) industri pemprosesan makanan - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak tujuh puluh peratus terhadap pendapatan statutori berdasarkan Bajet 2003;
- (c) syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Baru 2003;
- (d) industri jentera berat dan industri mesin khusus - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak tujuh puluh peratus terhadap pendapatan statutori ditambah berdasarkan Bajet 2004;
- (e) penggunaan biojisim kelapa sawit untuk menghasilkan keluaran tambah nilai - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori yang bertambah berdasarkan Bajet 2004;
- (f) hotel dan pelancongan - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak tujuh puluh peratus terhadap pendapatan statutori berdasarkan Bajet 2004; dan
- (g) rangkaian kemudahan dan perkhidmatan bilik sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak - taraf perintis dengan pengecualian cukai sebanyak tujuh puluh peratus terhadap pendapatan statutori yang bertambah berdasarkan Bajet 2004.

Semua aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (g) hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* selepas permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Seksyen baru 21K yang dicadangkan memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AH) kepada suatu syarikat yang menempatkan semula aktiviti perkilangannya dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan yang digalakkan bagi apa-apa permohonan yang diterima pada atau selepas tarikh 11 September 2004.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi pengecualian pendapatan sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori syarikat itu.

Seksyen baru 21L yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AI) kepada suatu syarikat yang mengkomersialkan dapatan penyclidikan dan kemajuannya bagi apa-apa permohonan yang diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi pengecualian pendapatan sebanyak seratus peratus terhadap pendapatan statutori syarikat itu.

Seksyen baru 21M yang dicadangkan memperuntukkan bagi penghitungan pendapatan dalam tempoh pelepasan cukai bagi taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AJ) kepada syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi pengecualian pendapatan sebanyak lima puluh peratus terhadap pendapatan statutori syarikat itu.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 327 yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 21BA, 21DA, 21G, 21H, 21L, 21J, 21K, 21L atau 21M.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) Akta 327 bagi menyeragamkan peruntukan tempoh halang sekat kepada 6 tahun selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1998 dan tahun taksiran yang berikutnya di bawah Akta Kewangan 1998.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 327 berbangkit dari pindaan kepada seksyen 21BA(2), 21DA(2), 21G(2), 21H(2), 21I(2), 21J(2), (3), (4), (5), 21K(2) 21L(2) dan 21M(2). *Fasal* ini juga memperuntukkan bagi kerugian terkumpul oleh syarikat dalam tempoh perintis dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan perniagaan selepas perintis yang berkaitan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama. Peruntukan ini diperkenalkan dalam Bajet 2006.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(3) Akta 327 untuk menyeragamkan penggunaan perkataan "sebaik sahaja notis bertulis diberikan kepada Menteri", yang digunakan dalam subseksyen 5(1B) dengan peruntukan penyerahan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 26(3).

Rang Undang-Undang

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda subseksyen 26B(3) Akta 327 bagi menyeragamkan penggunaan perkataan "setelah notis bertulis diberikan kepada Menteri", yang digunakan dalam subseksyen 5(1E) dengan peruntukan penyerahan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 26B(3) dan memotong subseksyen (4) kerana peruntukan subseksyen (4) tidak lagi terpakai.

23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda subseksyen 26c(2) Akta 327 bagi menyeragamkan penggunaan perkataan "setelah notis bertulis diberikan kepada Menteri", yang digunakan dalam subseksyen 5(1E) dengan peruntukan penyerahan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 26c(2).

24. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda subseksyen 26F(3) Akta 327 bagi menyeragamkan penggunaan perkataan "setelah notis bertulis diberikan kepada Menteri", yang digunakan dalam subseksyen 5(1E) dengan peruntukan penyerahan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 26F(3).

25. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 26G Akta 327 bagi mengadakan peruntukan permohonan kelulusan elaun cukai pelaburan kepada institusi pengajian tinggi swasta yang mengadakan atau bercadang untuk mengadakan kursus sains kelayakan dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

26. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 26H, 26I, 26J, 26K, 26L, 26M, 26N dan 26o ke dalam Akta 327. Seksyen baru 26H memperuntukkan bagi permohonan untuk suatu kelulusan elaun cukai pelaburan bagi aktiviti pengetahuan intensif yang strategik bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 21 September 2002.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan peruntukan bagi penyerahan taraf perintis bagi membolehkan mana-mana syarikat memohon elaun cukai pelaburan. Ini disebabkan suatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif sahaja, sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

Seksyen baru 26I yang dicadangkan memperuntukkan peruntukan bagi suatu permohonan bagi kelulusan elaun cukai pelaburan bagi suatu aktiviti atau keluaran dalam industri terpilih bagi permohonan yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penyerahan balik taraf perintis bagi membolehkan syarikat memohon elaun cukai pelaburan. Ini disebabkan sesuatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif, sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

Seksyen baru 26J yang dicadangkan memperuntukkan bagi suatu permohonan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi suatu aktiviti atau keluaran dalam industri modul komponen automatif bagi permohonan yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penyerahan taraf perintis bagi membolehkan syarikat memohon elaun cukai pelaburan. Ini disebabkan sesuatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif, sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

Seksyen baru 26K yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi suatu permohonan untuk kelulusan elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan seperti ditetapkan dalam seksyen 4F bagi permohonan yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penyerahan taraf perintis bagi membolehkan syarikat memohon elaun cukai pelaburan. Ini disebabkan suatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif, sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

Seksyen baru 26L yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi suatu permohonan untuk kelulusan elaun cukai pelaburan bagi penempatan semula aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sedia ada yang berhubungan dengan aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi penyerahan taraf perintis bagi membolehkan syarikat memohon elaun cukai pelaburan. Ini disebabkan suatu syarikat hanya boleh menikmati satu insentif, sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pada satu-satu masa.

Seksyen baru 26M yang dicadangkan memperuntukkan bagi suatu permohonan kelulusan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menyertai dalam pengeluaran keluaran makanan halal bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Seksyen baru 26N yang dicadangkan memperuntukkan bagi permohonan kelulusan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

Seksyen baru 26o yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi permohonan untuk kelulusan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

27. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 27(1A) ke dalam seksyen 27 Akta 327 bagi mengadakan peruntukan untuk pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat kecil tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Rang Undang-Undang

28. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 27G Akta 327 bagi mengadakan peruntukan pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada institusi pengajian tinggi swasta yang mengadakan atau bercadang untuk mengadakan kursus sains kelayakan tertakluk kepada apa-apa patut oleh Menteri. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

29. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N dan 27O ke dalam Akta 327. Seksyen baru 27H memperuntukkan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27I yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang menyertai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam industri terpilih di bawah seksyen 4D tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27J yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang menyertai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam industri modul komponen automatik di bawah seksyen 4E tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27K yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27L yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan sedia ada atau keluaran digalakkan sedia ada yang berhubungan dengan aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27M yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang mengusahakan pengeluaran keluaran makanan halal tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Seksyen baru 27N yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

Seksyen baru 27o yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri. Seksyen baru ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk memberikan kelulusan ke belakang.

30. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 327 yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 27H, 27I, 27J, 27K, 27L, 27M, 27N dan 27o.

31. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A ke dalam Akta 327 bagi mengadakan peruntukan bagi suatu syarikat untuk menyerahkan kelulusan elaun cukai pelaburannya bagi mendapatkan elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta Pendapatan Cukai 1967. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan kelulusan ke belakang.

32. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 327 dengan memasukkan takrif perbelanjaan modal bagi perkhidmatan berkaitan perkilangan.

33. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29AA ke dalam Akta 327 bagi mengadakan peruntukan penghitungan elaun cukai pelaburan bagi syarikat kecil yang diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27(1 A) bagi permohonan di bawah subseksyen 26(1 A) yang diterima pada atau selepas 21 Mei 2003.

Fasal ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

34. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 29c Akta 327 bagi mengadakan peruntukan penghitungan elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27B bagi permohonan yang diterima pada atau selepas 13 September 2003.

Fasal ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan syarikat itu dinaikkan daripada lapan puluh peratus kepada seratus peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

35. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 29H Akta 327 bagi mengadakan peruntukan penghitungan elaun cukai pelaburan kepada institusi pengajian tinggi swasta yang mengadakan atau bercadang mengadakan kursus sains kelayakan yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G(2) dengan syarat permohonan itu di bawah seksyen 26G(2) yang diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

Rang Undang-Undang

Fasal ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

36. *Fasal 35* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29I, 29J, 29K, 29L, 29M, 29N, 29O dan 29P ke dalam Akta 327. Seksyen baru 29I memperuntukkan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan kepada suatu aktiviti pengetahuan intensif yang strategik yang diberikan kelulusan di bawah seksyen 27H bagi permohonan di bawah 26H yang diterima pada atau selepas 21 September 2002.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Seksyen baru 29J yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan kepada suatu syarikat dalam industri terpilih yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27I bagi permohonan di bawah 26I yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Seksyen baru 29K yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan kepada syarikat dalam industri modul komponen automatif yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27J bagi permohonan di bawah seksyen 26J yang diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Seksyen baru 29L yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27K bagi permohonan yang diterima di bawah seksyen 26K pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan elaun cukai pelaburan seperti yang berikut:

- (a) syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak dan syarikat penyelidikan dan kemajuan - elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan tambahan yang dilakukan

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

dalam tempoh sepuluh tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Baru 2003;

- (b) syarikat yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan kemajuan dalam syarikat - elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan tambahan yang dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Baru 2003;
- (c) syarikat yang menggunakan biojisim untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah - elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Bajet 2004;
- (d) bagi perniagaan hotel dan projek pelancongan, elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Bajet 2004; dan
- (e) bagi keluaran atau aktiviti selain yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d) elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan tambahan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Seksyen baru 29M yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi suatu syarikat yang menempatkan semula aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan di Malaysia ke suatu kawasan digalakkan yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27L bagi permohonan di bawah seksyen 26L yang diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Bajet 2005.

Seksyen baru 29N yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi suatu syarikat yang mengeluarkan keluaran makanan halal yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27M bagi permohonan di bawah seksyen 26M yang diterima pada atau selepas 11 September 2004.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan seratus peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran berdasarkan Bajet 2005.

Rang Undang-Undang

Seksyen baru 29o yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27N bagi permohonan di bawah seksyen 26N yang diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

Seksyen baru ini juga mengadakan peruntukan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Seksyen baru 29p yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi atau multimedia yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27o dengan syarat permohonan di bawah seksyen 26o yang diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

Seksyen baru ini juga memperuntukkan bagi elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan modal kelayakan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak berbanding dengan lima puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

37. *Fasal 36* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A ke dalam Akta 327 untuk mengadakan peruntukan bagi penarikan balik elaun cukai pelaburan berhubung dengan aset yang dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemerolehan aset itu.

38. *Fasal 37* bertujuan untuk memotong seksyen 31A, 31B, 31C, 31D, 31 E, 32, 33, 34, 35, 36, 36A, 37, 38, 39, 39A, 40 dan 40A Akta 327 memandangkan elaun pelarasan perindustrian, pengurangan pendapatan larasan, pengurangan pendapatan statutori untuk eksport dan elaun eksport dan perkara yang berhubung dengannya tidak akan diberikan lagi di bawah Akta 327.

39. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 41B Akta 327 yang berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 29AA(7), 29H(6), 29I(4), 29J(4), 29K(4), perenggan 29L(2)(C), (3)(C), (4)(C), (5)(C), (6)(C), subseksyen 29M(4), 29N(4), 29o(4) atau 29P(5) dan meminda proviso kepada subseksyen 41B(2) dengan menggantikan amaun yang dikecualikan daripada cukai, iaitu, lapan puluh lima peratus ke seratus peratus selaras dengan insentif-insentif lain untuk kawasan digalakkan.

40. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 43A Akta 327 yang berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 43A(1) dan (3), seksyen 27G, 27H, 27I, 27J, 27K, 27L or 27M dan perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), 29A(3)(b), (c) atau (d), 29AA(3)(7j), 29B(2)(b), 29c(2)(b) atau (c), 29D(2) (b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29I(3)(b), 29J(3)(b), 29K(3)(b), subperenggan 29L(2)(a)(ii), (3)(a)(ii), (4)(a)(ii), (5)(a)(ii), (6)(a)(ii), perenggan 29M(3)(b), 29N(3)(b), 29o(3)(b) atau 29P(3)(b).

Penggalakan Pelaburan (Pindaan)

41. *Fasal 40* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.
42. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²) 2398]